



Bahagian A Pemahaman Teks

Baca petikan cerpen "Hadiah" halaman 51 – 52 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Cikgu berbangga kalau ... dia mendapat naib johan."

- 1 Mengapakah Cikgu Zaleha mahu Azizah menyertai peraduan tersebut?
 - A Peraduan tersebut diadakan tiga tahun sekali
 - B Peraduan tersebut akan membawa peserta ke luar negara
 - C Peraduan tersebut menguji daya usaha dan kreativiti seseorang
 - D Peraduan tersebut akan mengharumkan nama Cikgu Zaleha
- 2 Berdasarkan petikan cerpen, Azizah digambarkan sebagai seorang yang
 - A keras kepala.
 - B mudah mengaku kalah.
 - C sensitif dan mudah terasa.
 - D tidak mudah berputus asa.
- 3 Apakah nasihat yang diberikan oleh Cikgu Zaleha kepada Azizah?
 - A Seseorang perlu menang dalam apa-apa jua pertandingan yang disertai
 - B Seseorang perlu mempunyai daya usaha yang tinggi untuk meningkatkan kemajuan diri
 - C Seseorang perlu menyertai pertandingan untuk mendapatkan hadiah yang ditawarkan
 - D Seseorang perlu berputus asa jika kalah dalam pertandingan
- 4 Tema cerpen ini ialah
 - A kehebatan seorang murid menganyam tudung saji.
 - B kegigihan dan kecekalan seorang murid yang kurang berada.
 - C kesungguhan seorang guru dalam mendidik anak muridnya.
 - D kraf tangan yang sering dipinggirkan oleh masyarakat.
- 5 Yang berikut merupakan pengajaran dalam cerpen "Hadiah", **kecuali**
 - A kita hendaklah menabung untuk kegunaan masa depan.
 - B kita hendaklah gigih melakukan tugas yang diamanahkan.
 - C kita hendaklah memberikan hadiah yang mahal kepada guru yang mengajar sebagai tanda penghargaan.
 - D kita hendaklah terus berusaha sehingga mencapai kejayaan.